

KEMAHIRAN

BAHASA INGGERIS

» **Bantu tingkat kredibiliti graduan, jadi keutamaan**

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kelemahan berkomunikasi dan menulis dalam bahasa Inggeris adalah antara faktor yang boleh menghalang graduan untuk mudah menempatkan diri dalam dunia pekerjaan sebaik tamat pengajian.

Kebanyakan majikan, terutama syarikat korporat dan bertaraf antarabangsa, cenderung memilih graduan mampu menguasai bahasa Inggeris yang juga bahasa perantara pada peringkat global selain memiliki kelayakan akademik tertentu dan serba boleh.

Tambahan pula, pendedahan bahasa antarabangsa yang dipelajari sejak di bangku sekolah sehingga ke peringkat universiti, mahasiswa sepatutnya cuma perlu membuat pengukuhan dan berusaha meningkatkan penguasaan menerusi proses pembelajaran sendiri.

Bagi pelajar Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Taufiq Abd Rahman, kebolehan menguasai bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa sangat penting kerana selain mampu meningkatkan tahap kebolehpasaran, perkara itu juga melambangkan reputasi dan imej mahasiswa itu sendiri.

● V2

Amalkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian

● **Dari muka 1**

Katanya, mahasiswa turut dilihat sebagai lambang golongan berintelektual kerana sudah berada pada peringkat tinggi dalam pendidikan mereka.

“Penguasaan bahasa Inggeris yang lemah akan menjadikan mahasiswa terus ketinggalan dalam arus pemodenan yang kian pantas bergerak.

“Malah pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) nanti akan lebih mencabar tahap kebolehpasaran graduan tempatan untuk bersaing dengan graduan asing,” katanya.

Selain itu, Muhammad Taufiq menyifatkan bahasa Inggeris adalah suatu kemahiran yang sudah pasti akan tumpul andai tidak dipraktikkan.

Sehubungan dengan itu, katanya, perkara itu perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian kerana apabila mahasiswa secara kolektif mula mengubah pandangan terhadap keperluan menguasai bahasa Inggeris, persekitaran pendidikan lebih komprehensif dan seiring keperluan era globalisasi mampu diwujudkan.

● **Pandangan sinis**

Sementara itu, pelajar Sarjana



“PELAKSANAAN TPPA AKAN LEBIH MENCABAR TAHAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN TEMPATAN UNTUK BERSAING”

Muhammad Taufiq Abd Rahman,
Pelajar Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) UKM



“PEDULIKAN PANDANGAN SINIS MASYARAKAT YANG MENGANGGAP KITA BERBAHASA INGGERIS KERANA INGIN BERLAGAK”

Muhamad Amirul Razali,
Pelajar Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang USIM